

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah bagi memperbaiki perkhidmatan teksi di negara ini yang menghadapi pelbagai bebanan birokrasi selain masalah kebajikan yang tidak terurus dengan baik.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menjalankan satu makmal Transformasi Industri Teksi bersama agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak berkepentingan terutamanya dalam industri ini (*industry player*). Hasil daripada makmal tersebut, S.P.A.D telah memuktamadkan beberapa cadangan inisiatif penambahbaikan industri teksi secara menyeluruh.

2. Cadangan inisiatif-inisiatif ini turut memberi tumpuan kepada aspek pendapatan dan kebajikan pemandu teksi. Antaranya ialah penambahbaikan dan penyelarasan terma dan kontrak sewa beli (pajak) seperti pembayaran deposit yang boleh dikembalikan (*refundable*) dan pemberian cuti (hari tanpa sewa) serta beberapa kebajikan lain kepada pemandu. Selain itu, cadangan turut merangkumi pemberian lesen individu kepada pemandu teksi di bawah sistem pajak yang menepati kriteria kelayakan lesen dalam membantu dan memberi peluang pemandu-pemandu untuk mendapatkan lesen sendiri tanpa perlu terikat di bawah kontrak pajak dengan syarikat teksi.

3. Kesemua cadangan inisiatif-inisiatif ini sedang diperhalusi dan Kerajaan akan membuat keputusan pada masa terdekat.

Sekian, terima kasih.